

SEJARAH TOKOH TARANNUM DI MALAYSIA

¹Ahmad Shafiq Mat Razali, ¹Wan Fakhrul Razi Wan Mohamad, ²Wan Hilmi Wan

Abdullah, ²Wan Nasyrudin Wan Abdullah

ahmadshafiq@kuis.edu.my, wanfakhrulrazi@kuis.edu.my

¹Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, KUIS

²Universiti Kebangsaan Malaysia, UKM

ABSTRAK

Kajian ini akan membincangkan mengenai sejarah Tokoh Tarannum termasyhur di Malaysia yang banyak memberikan sumbangan dalam memperkembangkan ilmu tarannum di Malaysia dan di luar negara. Perbincangan ini adalah memfokuskan kepada biodata tokoh, latar belakang pendidikan, sumbangan serta karya dan bahan ilmiah yang dihasilkan sepanjang menceburi bidang tarannum al-Quran. Metodologi kajian ini berbentuk kualitatif iaitu dengan meneliti rekod dan bahan dokumentasi serta temubual secara tidak berstruktur. Kajian ini diharap dapat mendedahkan kepada masyarakat dan dunia akademik bahawa jasa yang dicurahkan untuk memperkembangkan seni tarannum di Malaysia khususnya amatlah besar.

Kata kunci: tokoh, tarannum, Malaysia.

1.0 PENGENALAN PERKEMBANGAN PENGAJIAN TARANNUM DI MALAYSIA

Perkembangan pembelajaran tarannum di Malaysia sejak dahulu kebanyakan tertumpu di masjid. Masjid-masjid dilihat berperanan dan menjadi pusat terpenting kepada perkembangan ilmu tarannum di Malaysia. Pendapat ini turut disokong oleh Noornajihan (2011) iaitu ilmu tarannum diajar secara bertalaqqi dengan guru-guru tarannum al-Quran di rumah-rumah, surau-surau atau masjid-masjid. Menurut Abdul Rahim Ahmad (2015), beliau menjadikan surau dan masjid sebagai tempat utama untuk mengajar dan melatih para qari dan qariah, biasanya bermula setelah selesai menunaikan solat isya' dan berakhir apabila kesemua qari dan qariah selesai membaca al-Quran. Faktor pemilihan masjid sebagai tempat untuk mengajar tarannum dengan harapan supaya faktor tempat yang suci dan mulia ini menjadi pemangkin kepada turunnya keberkatan dan rahmat Allah SWT sehingga melahirkan para qari dan qariah di Malaysia sejak dahulu lagi.

Menurut Hassan Musa (2014), beliau juga turut menjadikan masjid sebagai tempat mengajar ilmu tarannum namun waktu terbatas iaitu bermula selepas solat isya sehingga lewat malam. Ini kerana ilmu tarannum merupakan ilmu yang bersifat kesenian, ia tidak boleh diajar sesuka hati lebih-lebih lagi kepada masyarakat awam yang belum mantap dalam penguasaan ilmu tajwid dan sifat-sifat huruf. Menurut Haji Rahim, beliau menjadikan masjid sebagai tempat untuk mengajar seni tarannum al-Quran secara talaqqi dan musyafahah sebagaimana ia juga turut dilakukan oleh Rasulullah SAW bersama malaikat Jibril a.s ketika menghafaz al-Quran. Tambahan beliau lagi, faktor tempat dan suasana yang selesa sangat penting bagi memastikan penguasaan ilmu tarannum tersebut mudah diterima.

Menurut Nik Ja'far (2014), beliau turut menggunakan masjid sebagai tempat mengajar ilmu tarannum. Namun demikian, dalam keadaan tertentu masjid bukan menjadi tempat yang efektif memandangkan waktu untuk mengajar ilmu tarannum memerlukan tempoh waktu yang panjang. Oleh itu, peranan penting ini perlu digalas oleh pihak pengurusan masjid dengan menyediakan frasarana yang baik serta tenaga pengajar berpengalaman serta berwibawa supaya mampu melahirkan qari dan qariah yang berjaya bersaing di persada antarabangsa.

Antara masjid-masjid yang menjadi pusat utama pengajian tarannum di Malaysia ialah Masjid Kampung Baharu Kuala Lumpur, Masjid Pondok Pasir Mas, Masjid Pondok Lubuk Tapah, Surau Jamiyyah, Pasir Mas, Kelantan yang dikendalikan oleh Dato' Paduka Haji Nik Ja'far Nik Isma'il. Manakala Masjid as-Syakirin KLCC, Kuala Lumpur, Masjid Sultan Isma'il Petra Kubang Kerian, Masjid Kampung Selising, Pasir Puteh, Kelantan, Masjid Kampung Raja, Besut, Terengganu pula dikendalikan oleh Tuan Haji Abdul Rahim Ahmad (Khalis Isa, 2011). Bagi masjid as-Salam, Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Masjid Bandar Tumpat, Masjid Jamek, To' Uban pula dikendalikan oleh Tuan Haji Hassan Musa dan lain-lain lagi.

2.0 TOKOH-TOKOH TARANNUM AL-QURAN DI MALAYSIA

Perbincangan dalam subtopik ini adalah berkenaan dengan latar belakang, pengajian dan sumbangan yang telah di lalui oleh tokoh tarannum di Malaysia. Mereka terdiri daripada sepuluh orang tokoh qari dan qariah yang telah melakar nama serta mencipta sejarah dalam menyebarkan ilmu tarannum. Ketokohan mereka yang disenarai dalam barisan ketokohan ini adalah diambil kira berdasarkan pengalaman menimba ilmu tarannum, peringkat pengajian serta sumbangan dalam dunia tilawah al-Quran sahaja. Namun, dari sudut kebolehan mengalun dan membaca al-Quran mengikut gaya bacaan *berlahjah Arabiyyah* pula hanya terdapat sebahagian sahaja daripada senarai tokoh tersebut. Hal ini, berdasarkan kemampuan dan komitmen tokoh ketika menuntut ilmu tarannum samada melalui perantaraan qari dari tanah arab ataupun direka sendiri gaya bacaan tersebut.

2.1 Haji Ahmad bin Matsom

Haji Ahmad bin Matsom dilahirkan pada tahun 1915 di Kampung Jaber, Mukim Labok, Bongor, Jeli, Kelantan. Haji Ahmad atau lebih dikenali dengan gelaran Haji Ahmad Pergau atau "Matsom Pergau" atau "Tok Pergau" (Ermy Azziaty & Mohd Samsuddin, 2005) merupakan tokoh tarannum yang sangat masyhur di Malaysia. Gelaran tersebut diperolehi oleh Tuan Haji sewaktu beliau menuntut ilmu di Makkah (Ermy Azziaty & Mohd Samsuddin, 2005).

Menurut Wan Fakhrul Razi (2008) gelaran tersebut diperolehi beliau bersempena kawasan kediaman beliau yang berdekatan dengan sebatang sungai iaitu sungai yang

bermula dari daerah Dabong sehingga ke Batu 11 Grik Sungai ini menjadi salah satu alat perhubungan yang paling penting antara kawasan Pergau dengan kawasan Pasir Mas (Wan Fakhru Razi, 2008).

Haji Ahmad merupakan anak ketiga daripada empat orang adik beradik hasil perkongsian hidup Matsom bin Abdul Rahman dengan Khaltom. Bapanya yang berperwatakan tegas sejak kecil lagi Haji Ahmad melatih beliau mempelajari ilmu al-Quran. Maka, tidak asing lagi kalau sekiranya Haji Ahmad menjadi salah seorang tokoh masyhur khususnya dalam bidang tarannum al-Quran di Malaysia (Wan Fakhru Razi, 2008).

Pada tahun 1938, Haji Ahmad telah merantau ke timur tengah atas dorongan dan nasihat daripada Raja Kelantan. Di Mesir beliau telah berkesempatan bertalaqqi dan berguru dengan qari terkenal dunia iaitu Shaykh Mustafa Isma'il (Wan Fakhru Razi, 2008), Shaykh Mahmud Khalil al-Husori, Shaykh Taha al-Fashni, Shaykh [°]Abd Fatah al-Sha[°]ir, Shaykh [°]Abd Fatah al-Qadi (Ermy Azziaty & Mohd Samsuddin, 2005). Oleh itu, bacaan beliau amat mirip dengan bacaan tokoh terkemuka Shaykh Mustafa Isma'il. Hal ini diperkuatkan lagi dengan kajian Wan Hilmi (2014) menegaskan bahawa bacaan al-Quran Haji Matsom adalah menepati maksud ayat, mahir mengawal suara dan memenuhi kehendak bacaan *berlahjah °arabiyyah*.

Setelah tamat pengajian, Haji Ahmad kembali ke tanah air dan mula berjinak-jinak untuk menceburkan diri dalam dunia tilawah al-Quran. Pada tahun 1961, beliau telah mendapat johan dalam Musabaqah Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa Malaysia. Rentetan daripada peristiwa tersebut, Haji Ahmad mula menjadi tempat rujukan dalam bidang tarannum al-Quran di Malaysia. Tambahan pula, tahap keilmuan beliau dalam perkara-perkara berkaitan dengan pengajian al-Quran dan hukum hakam keagamaan amat tinggi (Ermy Azziaty & Mohd Samsuddin, 2005).

Pendidikan awal Haji Ahmad bermula sejak kecil hasil didikan dari kedua orang tuanya yang menekankan soal ilmu-ilmu asas dalam Islam seperti fardhu ain dan fardhu kifayah. Kemudian dalam lingkungan umur belasan tahun, kedua orang tua Haji Ahmad menghantar beliau menuntut ilmu tauhid, fiqh, nahu dan sarf, tafsir, hadis, tasawwuf dan lain-lain lagi di Pondok Lebai Deraman jalan Mat San, Lemal, Pasir Mas Kelantan (Ermy Azziaty & Mohd Samsuddin, 2005).

Disamping itu, beliau turut berpeluang bertalaqqi al-Quran secara bertajwid dan bertarannum dengan Haji Pak Muda @ Haji Ahmad bin Muhammad, Haji Ahmad al-Hafiz, Haji Abdullah bin Senik, Haji Mahmud bin Usman dan Haji Nik Mahmud (Ermy Azziaty & Mohd Samsuddin, 2005).

Pada tahun 1987, Haji Ahmad dijemput oleh penciptanya akibat komplikasi penyakit kencing manis dan darah tinggi yang dihidapinya. Beliau meninggal dunia ketika berusia 71 tahun di Kampung Banggol, Mukim Tok Jiring, Kuala Terangganu dan jenazah allahyarham disemadikan di Tanah Perkuburan Islam Kampung Banggol Air Leleh, Batu 6, Kuala Terangganu (Wan Fakhrul Razi, 2008).

2.2 Haji Hassan bin Musa

Haji Hassan bin Musa merupakan anak jati kelahiran negeri Kelantan dari kampung Pondok Lubuk Tapah, Pasir Mas, Kelantan. Beliau dilahirkan pada 2 Januari 1942. Haji Hassan dikurniakan tujuh orang anak hasil perkongsian hidupnya dengan Hajah Che Rahmah bin Ahmad dan kini beliau menetap di Taman Seri, Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan.

Dalam keadaan yang serba kekurangan ditambah dengan keadaan ibu bapa beliau yang telah berpisah sejak berumur kurang dari tiga tahun, menyebabkan timbul keinginan dalam diri beliau untuk menimba ilmu pengetahuan dengan lebih bersungguh-sungguh. Selang beberapa tahun kemudian, ibunya sekali lagi dipertemukan jodoh dengan Mohd Yusuf bin Haji Taib.

Pendidikan awal Haji Hassan bermula ketika berusia enam tahun lagi apabila bapa tirinya menghantar beliau mempelajari ilmu al-Quran dengan Hajah Nik Zainab binti Haji Nik Mahmud (Wan Hilmi, 2014). Beliau sempat mempelajari ilmu al-Quran di sana selama lebih kurang tiga tahun, sebelum di hantar oleh bapa beliau sendiri berguru dengan Haji ^cAbdul Rahman bin Haji Ngah. Menurut Haji Hassan, beliau sempat khatam al-Quran dengan Haji ^cAbdul Rahman sebanyak tiga kali. Dalam masa yang sama beliau turut berkesempatan mempelajari ilmu tajwid, sifat huruf dan sebagainya. Kesungguhan tersebut membuahkan hasil kerana kemampuan Haji Hassan untuk mengalunkan bacaan al-Quran mengikut gaya kearaban tidak boleh dipertikaikan lagi (Wan Hilmi, 2014).

Haji Hassan mula menonjolkan bakat membaca al-Quran bertarannum yang dimilikinya oleh sejak kecil seawal usia 14 tahun. Anugerah semulajadi ini tidak dipersiapkan begitu sahaja oleh bapa beliau iaitu Haji Musa atau lebih dikenali dengan panggilan “Musa Tukang Lagu”. Lantaran itu, Haji Musa kemudiannya menghantar Haji Hassan mempertingkatkan lagi bacaan al-Quran bertarannum dengan tokoh tarannum masyhur negeri Kelantan iaitu Haji Ahmad atau lebih dikenali dengan gelaran “Haji Matsom Pergau” yang merupakan johan tilawah al-Quran peringkat antarabangsa pada suatu ketika dahulu. Melalui sentuhan dan didikan bakat dari Haji Matsom Pergau membawa kejayaan kepada beliau sehingga berjaya menempa nama di peringkat antarabangsa pada tahun 1964.

Khidmat yang digalas Haji Hassan dalam memartabatkan al-Quran kepada masyarakat tidak dapat disangkal lagi. Sumbangan ini terbukti melalui usaha beliau mengembangkan ilmu al-Quran termasuk negeri kelantan, Sabah, Sarawak, Singapura dan lain-lain. Beliau juga turut diundang sebagai hakim bagi Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Negeri Kelantan sehingga kini, Hakim Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan Malaysia dan Singapura, dan Hakim Tilawah al-Quran peringkat antarabangsa anjuran Kerajaan Libya pada tahun 1978. Sehingga kini terdapat ramai anak murid beliau yang turut sama melakar nama di Majlis Tilawah al-Quran peringkat antarabangsa antaranya ialah Haji Noordin bin Idris, Haji Mohammad bin Haji Yusuf, Ustaz Yahya Daud, Hajah Faridah binti Mat Saman, Hajah Setina binti Ismail, Hajah Rahmas binti Abdullah dan Hajah Sapinah binti Mamat.

Pada tahun 1964, beliau dianugerahkan penghargaan oleh Kerajaan Negeri Kelantan dengan bintang Ahli Kelantan (AK) sebagai sumbangan dan bakti dalam memperjuangkan dan memartabatkan al-Quran.

2.3 Dato' Haji Ismail bin Hashim

Dato' Haji Ismail bin Hashim merupakan suatu nama yang tidak asing lagi dalam dunia tilawah al-Quran. Beliau dilahirkan pada 11 Mac 1932 di Jerlun, Kedah dan telah mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu Kedawang, Langkawi sehingga tamat darjah tiga sahaja. Seterusnya pada tahun 1942, beliau meneruskan pelajaran di Sekolah Melayu Air Hitam, Kubang Pasu dan pada tahun 1947, di Maktab Mahmud, Alor Setar, Kedah (JAKIM, 2007). Sebaik sahaja tamat pengajian di Maktab Mahmud, beliau

ditugaskan dengan memegang jawatan sebagai guru agama di Sekolah Kebangsaan Yan, Kedah kemudian dinaikkan jawatan sebagai nazir bagi sekolah-sekolah sehinggalah beliau bersara pada tahun 1988.

Minat Dato' Ismail dalam bidang seni tarannum al-Quran digilap oleh bapanya sendiri dan dimantapkan lagi oleh beberapa tokoh al-Quran pada zaman tersebut seperti Lebai Ibrahim, Ustaz Haji Hashim Musa dan Shaykh Ibrahim al-Ibyari dari Mesir (JAKIM, 2007). Pada tahun 1960, beliau telah berjaya merangkul kejuaraan dalam tilawah al-Quran peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Beliau juga berjaya melakar nama sebagai salah seorang qari tanah melayu yang berjaya mendapat johan sebanyak sembilan kali diperingkat kebangsaan dan lapan kali di peringkat antarabangsa. Oleh itu, beliau kerap kali dijemput ke Thailand pada tahun 1963, Sudan pada tahun 1966, Mesir pada tahun 1976 dan lain-lain lagi (JAKIM, 2007).

Menghargai sumbangan dan jasa dan pengorbanan beliau dalam menyebarkan ilmu al-Quran serta mengharumkan nama negara, maka Y.T.M. Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong telah mengurniakan pingat Johan Setia Mahkota (JSM) dan Ahli Mangku Negara. Beliau turut dianugerahkan Pingat Setia Diraja Kedah (SDK) Perkhidmatan Setia Kedah (PSK), Dato' Setia Diraja Kedah (DSDK) dan Pingat Jasa Kebaktian (PJK) oleh Sultan Kedah dan Raja Perlis yang membawa gelaran Dato'.

Dato Ismail Hashim bagaimanapun telah kembali menghadap penciptanya pada tahun 7 Ogos 1996 ketika berusia 64 tahun disebabkan masalah jantung yang gagal berfungsi. Beliau meninggalkan dua orang isteri dan 10 orang anak hasil perkongsian tersebut (JAKIM, 2007).

2.4 Haji Abdullah bin Che Hasan

Haji Abdullah bin Che Hasan dilahirkan pada tahun 1943 di Kg. Bawah Lembah, Kg. Sireh, Kota Bharu, Kelantan. Beliau lebih dikenali dengan gelaran Haji Abdullah Hijazi atau Haji Lah Murtabak. Gelaran Hijazi tersebut diperolehi oleh beliau ketika berguru dengan Tuan Shaykh Alawi Maliki disebabkan kebolehan beliau yang luar biasa meniru dan menghayati bacaan al-Quran mengikut gaya kearaban sehingga beliau diberi gelaran 'Hijazi'. Manakala gelaran 'murtabak' pula ialah disebabkan kemahiran beliau menguli tepung untuk dijadikan murtabak.

Haji Abdullah yang merupakan lulusan Universiti al-Azhar, Mesir mula berkecimpung dalam tilawah al-Quran pada tahun 1958 ketika menyambung pelajaran di Makkah. Di sana beliau berkesempatan berguru dengan Shaykh Jamil Acheh, Shaykh Ab. Samad Jambi dan Syed Alawi al-Maliki dalam bidang tarannum dan fasahah. Manakala di Malaysia, beliau telah berkesempatan untuk menimba ilmu dengan Haji Hasan Musa dan Haji Ahmad Matsom Pergau.

Sekembalinya ke tanah air pada tahun 1961, beliau mula bergiat aktif menyebarkan ilmu tarannum di Kelantan, Kedah, Pahang dan Kuala Lumpur. Di Kelantan, Haji Abdullah telah menjadikan rumah beliau sendiri di Kg. Paloh Gua Musang dan Kg. Pasir Hor sebagai medan menyebarkan ilmu al-Quran dan ilmu Tarannum

Antara murid beliau yang berjaya mendapat tempat di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa adalah Hjh. Rahmas binti Abdullah (Johan Antarabangsa Majlis Tilawah al-Quran 1992), Hj. Nor Din bin Idris (Johan Antarabangsa Majlis Tilawah al-Quran 1984), Haji Muhammad bin Yusuf (Johan Antarabangsa Majlis Tilawah al-Quran 1991), Hajah Kamariah Abdullah, Hajah Nafisah Muda, Ustaz Mat Noor dan ramai lagi.

2.5 Haji Abdul Hak @ Abdul Ghani bin Abdullah

Haji Abdul Ghani atau nama sebenarnya Haji Abdul Hak @ Abdul Ghani bin Abdullah dilahirkan pada 15 Jun 1942 di Kampung Batu Hampar, Pendang, Kedah. Pendidikan awal beliau bermula di Sekolah Melayu Pendang dan kemudiannya di Pondok Kampung Batu Hampar, Pendang Kedah. Setelah tamat pengajian, beliau bertugas di Jabatan Zakat negeri Kedah sebagai Penyelia Zakat. Hasil Perkongsian hidup dengan isterinya Hajah Zuhairiah bt Mahamud, beliau telah dikurniakan 6 orang cahaya mata (JAKIM, 2007).

Perkembangan pengajian al-Quran Abdul Hak atau lebih dikenali dengan panggilan Abd Ghani bermula sejak kecil lagi. Akan tetapi, ia terhenti di pertengahan jalan kerana beliau lebih menumpukan perhatian kepada nasyid, marhaban dan berzanji. Namun begitu, ketika usia menginjak 17 tahun, timbul kesedaran dalam diri untuk kembali belajar al-Quran bertarannum. Oleh itu, beliau menemui beberapa orang guru al-Quran yang masyhur pada zaman tersebut seperti Ustaz Kamaluddin bin Saad, Tuan Haji Abdul Samad, Dato Isma'il Hashim dan ramai lagi bagi meneruskan minat dan niat

beliau mendalami ilmu al-Quran. Berkat kesungguhan dan ketekunan dalam menuntut ilmu al-Quran akhirnya membuahkan hasil apabila beliau berjaya mendapat tempat sebagai johan qari dalam majlis tilawah al-Quran peringkat kebangsaan sebanyak lima kali dan di peringkat antarabangsa sebanyak empat kali (JAKIM, 2007).

Beliau turut diundang untuk memperdengarkan bacaan ayat-ayat suci al-Quran di dalam dan luar negara antaranya ialah di Indonesia dan Arab Saudi. Menurut beliau lagi, bakat yang dimiliki beliau diwarisi oleh dua orang anaknya iaitu Ustaz Alaudin dan Ustaz Azraie di mana salah seorang daripadanya telah muncul johan di pertandingan Musabaqah Tilawah al-Quran Dunia-Dunia Melayu Islam 2013 yang di adakan di Melaka baru-baru ini.

Menghargai sumbangan dan jasa yang ditaburkan oleh beliau maka Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong telah berkenan mengurniakan pingat Ahli Mangku Negara (AMN) serta pingat Setia Diraja Kedah (SDK) dan Bintang Kebaktian Masyarakat (BKM) dari Sultan Kedah (JAKIM, 2007).

2.6 Dato' Paduka Haji Nik Ja'far bin Nik Ismail

Dato Paduka Nik Ja'far bin Haji Nik Isma^cil atau lebih dikenali dengan panggilan Ustaz Nik merupakan anak kedua daripada 3 orang adik beradik hasil perkongsian hidup antara Haji Nik Ismail bin Nik Harun dengan Hajah Aminah binti Mohammad Yusuf Kedondong. Ustaz Nik dilahirkan di kampung Kerisik, Pasir Mas Kelantan, pada 7 Mei 1936 (Ahmad Nuruddin, 2008).

Pendidikan awal secara formal beliau bermula pada tahun 1945 dalam lingkungan usia 8 tahun di sekolah agama rakyat iaitu Madrasah al-Diniah Kampung Kedondong Daerah Kampung Gadong di Pasir Mas Kelantan. Beliau kemudiannya melanjutkan pengajian melalui aliran pondok di Madrasah Muhammadiyah, Kubang Bembam, Pasir Mas Kelantan. Disamping itu, Ustaz Nik juga turut mendalami ilmu al-Quran dengan datuk beliau sendiri iaitu Haji Muhammad Yusuof Kedondong (Ahmad Nuruddin, 2008).

Setelah menamatkan pengajian di pondok sekitar tahun 1960-an, Ustaz Nik berkecimpung dalam bidang pekerjaan pada peringkat awal sebagai imam di Masjid

Mukim Kedondong, Pasir Mas, Kelantan. Pada masa yang sama, beliau juga berkhidmat sebagai guru agama di bawah kelolaan Kerajaan Negeri Kelantan di bawah pentadbiran Jabatan Mufti Negeri Kelantan dan ditempatkan sebagai tenaga pengajar di Sekolah Kebangsaan Lati, Pasir Mas, Kelantan. Pada tahun 1971, beliau berkhidmat sebagai guru agama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dan bertugas sebagai guru di Sekolah Kebangsaan Kedondong, diikuti dengan beberapa buah sekolah lagi (Ahmad Nuruddin, 2008).

Selain itu, beliau turut dilantik sebagai pensyarah bagi kursus Pedagogi dan Metodologi al-Quran di Maktab Perguruan Islam, Kuala Lumpur sekitar tahun 1984. Beliau akhirnya bersara sebagai guru penolong kanan pada tahun 1991 di Sekolah Kebangsaan Lati, Pasir Mas, Kelantan (Ahmad Nuruddin, 2008).

Menurut beliau lagi, guru tarannum al-Quran pertama beliau ialah Haji Muhammad Yusof Kedondong yang merupakan datuk beliau sendiri atau lebih dikenali dengan panggilan “Qari Diraja Kelantan”. Ustaz Nik kemudiannya memperkemas lagi penguasaan dan minatnya dalam ilmu seni tarannum al-Quran melalui perantaraan Haji Mat Som Pergau.

Kegigihan serta ketekunan Ustaz Nik dalam menuntut ilmu tarannum ditambah dengan usaha beliau mengkaji setiap ilmu yang diperolehi daripada Mat Som Pergau akhirnya membuahkan hasil dimana beliau telah menerbitkan beberapa buah buku yang berkaitan dengan seni lagu al-Quran seperti *al-Qawa'id al-Tarannum*, *Panduan Tartil al-Quran*, *Panduan Tartil al-Quran (2)* dan *al-Qawa'id Qabla al-Tilawah*.

Melihat kepada sumbangan jasa Ustaz Nik yang besar dalam dunia tilawah al-Quran dimana murid-murid beliau telah bertebaran di serata pelosok negara. Antara murid-murid beliau yang berjaya merangkul kejuaraan dalam pertandingan tilawah al-Quran ialah Haji Mokhtar bin Haji Ahmad, Haji Nordin bin Haji Idris, Haji Muhammad bin Haji Yusuf, Haji Abdul Rahim bin Ahmad, Hajah Faridah binti Mat Saman, Hajah Sapinah binti Mamat dan ramai lagi (Ahmad Nuruddin, 2008). Menghargai sumbangan dan jasa yang diberikan pada tanggal 11 November 2013, Ustaz Nik telah dikurniakan Pingat Darjah Setia Mahkota membawa gelaran Dato' Paduka oleh Ke bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan.

2.7 Haji Nordin bin Idris

Haji Nor Din bin Idris dilahirkan pada tahun 1957 di kampung Perupok, Bachok Kelantan. Beliau yang merupakan anak jati kelahiran negeri Kelantan mendapat didikan agama dari ayahanda beliau iaitu Haji Idris ketika masih kecil lagi. Menurut Haji Nor Din, bakat beliau bertarannum yang dikesan sejak kecil lagi oleh bapanya tidak dipersiapkan begitu sahaja sebaliknya diasah sehingga membawa diri beliau untuk berjinak-jinak untuk menyertai pertandingan yang dianjurkan.

Menurut Haji Nor Din lagi, perkembangan ilmu tarannum beliau semakin memberangsangkan apabila beliau berguru dengan Haji Hasan Musa. Mutu bacaan beliau mula meningkat sehinggalah pada tahun 1984, beliau dinobatkan sebagai Johan Musabaqah Negeri (1984), Johan Kebangsaan (1984, 1985) dan Johan Antarabangsa (1985). Tentetan daripada peristiwa tersebut, beliau telah diundang mempersembahkan bacaan al-Quran di Tehran dan Amerika Syarikat. Disamping itu, beliau juga turut diberikan kesempatan apabila dijemput untuk mengalunkan bacaan ayat suci al-Quran semasa mengerjakan haji pada tahun 1987 di Padang Arafah.

Tambahan beliau lagi, mendapat tempat pertama dalam tilawah al-Quran bukanlah suatu yang perlu dibangga-banggakan, akan tetapi mutu dan nilai bacaan al-Quran yang wajib dijaga. Dengan memegang jawatan bilal di Masjid Negeri Kelantan iaitu Masjid Muhammadi, Kota Bharu telah membuka peluang kepada beliau untuk lebih dikenali dalam masyarakat serta memudahkan baginya untuk menyebarkan ilmu al-Quran. Kini, beliau lebih menumpukan perhatian kepada masyarakat aspek tajwid iaitu rumahnya dijadikan tempat untuk bertalaqqi al-Quran pada setiap pagi ahad. Beliau juga turut menerima undangan dari pelbagai pihak untuk berkongsi ilmu al-Quran.

2.8 Haji Abdul Rahim bin Ahmad

Tuan Haji Abdul Rahim bin Ahmad dilahirkan pada 31 Disember 1951 (JAKIM, 2007). Beliau berasal dari Kampung Cerang Nibong, Pattani, Thailand (Wan Hilmi, 2014). Haji Abdul Rahim dilahirkan hasil perkongsian hidup antara Haji Ahmad bin Haji Ibrahim dengan Zawariyah binti Yusof. Disebabkan kesempitan hidup maka beliau telah berpindah ke Kampung Banggol Kulim, Rantau Panjang, Kelantan kerana mengikuti bapanya berniaga di sempadan Thailand (Wan Hilmi, 2014).

Beliau mendapat pendidikan awal sekitar tahun 60-an di Madrasah Arab Muassasah al-Thaqafah al-Islamiyyah di Ponbeng, Thailand. Penglibatan beliau dalam dunia tilawah al-Quran bermula sejak usia 15 hingga 16 tahun. Beliau sempat berguru dengan Haji Ahmad Syukri bin Haji Soleh yang merupakan qari dari negara Thailand. Beliau hanya sempat belajar tarannum dengan Haji Ahmad Syukri satu surah sahaja iaitu dari awal surah al-Maidah, namun berjaya menguasai ketujuh-tujuh buah lagu daripadanya (Wan Hilmi, 2014).

Tuan Haji Abdul Rahim seterusnya bertemu dengan Tuan Haji Ahmad MatSom untuk meneruskan lagi pembelajaran al-Quran bertarannum beliau. Pada waktu tersebut umur beliau dalam lingkungan 27 tahun dan selama tempoh 12 tahun mendapat bimbingan daripada Tuan Haji Matsom telah dimanfaatkan sebaik mungkin sehinggalah beliau dapat menguasai bacaan al-Quran bertarannum. Pada ketika itu, beliau berulang alik setiap malam dengan berbasikal dari rumahnya ke rumah Tuan Haji Matsom yang terletak di berdekatan bandar Pasir Mas (Wan Hilmi, 2014).

Berkat usaha, tawakkal dan restu dari guru serta kedua orang tuanya, Tuan Haji Abdul Rahim telah berjaya menyanggah johan dalam Musabaqah Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa pada tahun 1994 dan 1995 menewaskan qari-qari dari serata dunia. Menerusi kejayaan tersebut, beliau telah dijemput ke serata dunia seperti Libya, Morocco, Brunei, Thailand, Singapura, Maldives dan lain-lain lagi. Beliau juga turut dijemput suatu ketika dahulu sebagai qari jemputan kerajaan Morocco, Iran dan Pakistan. Beliau juga pernah diiktiraf oleh kerajaan Morocco dengan dianugerahkan sijil oleh Sultan Hassan Sani dan pada tahun 2011, beliau sekali lagi diberi kepercayaan untuk menghakimi pertandingan Tilawah dan Hafazan Peringkat Antarabangsa Negara Maldives (Wan Hilmi, 2014).

Jasa dan sumbangan Tuan Haji Abdul Rahim sangat besar dalam perkembangan dunia tilawah al-Quran di Malaysia khususnya. Oleh itu, melalui perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan, Tuanku Isma'îl Petra, beliau dianugerahkan pingat Jasa Bakti (JB) manakala anugerah pingat Kesatria Mangku Negara (KMN) oleh yang Dipertua Agong pada tahun 1995 (Wan Hilmi, 2014).

2.9 Hajah Rogayah binti Haji Sulong

Dato' Rogayah binti Haji Sulong merupakan satu nama yang tidak asing lagi dalam dunia tilawah al-Quran tanah air. Dilahirkan di Kampung Banggol Tuan Muda, Manir, Terengganu pada 24 Januari 1942 dan menetap di Kampung Durian Guling, Marang, Terengganu. Pendidikan awal beliau bermula di Sekolah Melayu Kampung Tengah Banggol, Petai Bubus dan ke Sekolah Agama Kampung Tengah. Setelah tamat pengajian di Sekolah Agama, beliau ditugaskan sebagai guru al-Quran (JAKIM, 2007). Hasil perkongsian hidup beliau dengan Haji Megat bin Megat Chik telah dikurniakan tujuh orang cahaya mata (JAKIM, 2007).

Hajah Rogayah mula mempelajari ilmu al-Quran melalui perantaraan bapanya iaitu Haji Sulong bin Haji Mohd Amin dan ibunya sendiri iaitu Hajah Nik bt Haji Jusoh serta ibu saudaranya iaitu Hajah Chik bt Haji Ali. Disinilah permulaan bakat semulajadi beliau diasah dan digilap sehingga menyandang johan Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan sebanyak tujuh kali dan di peringkat antarabangsa sebanyak empat kali sekitar tahun 1960-an.

Walaubagaimanapun, kini Hajjah Rogayah lebih menumpukan perhatian sebagai jurulatih kepada peserta qariah dan ada dalam kalangan mereka yang telah melakar nama diperingkat antarabangsa antaranya ialah Hajah Masnah bt Awang, Hajah Sepiah bt Muhammad, Hajah Aminah bt Omar serta dalam kalangan qari seperti Haji Muhammad bin Awang Teh dan lain-lain lagi (JAKIM, 2007).

Menghargai sumbangan dan jasa yang disumbangkan maka, beliau telah dikurniakan anugerah seperti PJK, AMN, AMT, SMT dan JSM yang membawa gelaran Dato'.

2.10 Hajah Faridah binti Mat Saman

Hajah Faridah binti Mat Saman, merupaka anak kelahiran Temerloh Pahang ini dilahirkan pada 29 Oktober 1948. Bapa beliau iaitu Mat Saman bin Haji Abdul Rahman bin Haji Abdul Samad merupakan seorang imam di Masjid Salor, Kota Bharu Kelantan, manakala ibunya Hajah Che Yam binti Che Had adalah suri rumah sepenuh masa. Menurut Hajah Faridah, datuknya iaitu Haji Cik Man atau Pak Da Haji Cik Man atau

nama sebenarnya Haji Abdul Rahman bin Haji Abdul Samad merupakan seorang ahli al-Quran dan tukang lagu yang terkenal. Beliau adalah peneroka tanah di Lubuk Kawah, Pahang dan pengasas kepada Pondok Lubuk Kawah yang masyhur suatu ketika dahulu.

Hajah Faridah mendapat pendidikan awal di Sekolah Rendah Kebangsaan Pasir Mas yang kini ditukar kepada Sekolah Rendah Kebangsaan Sultan Ibrahim 1. Kemudian, ketika berusia lingkungan 12 tahun, Hajah Faridah dihantar oleh kedua orang tuanya menuntut ilmu agama di pondok yang terletak di wilayah Thailand selama tiga tahun. Di sana beliau telah berguru dengan tokoh agama masyhur iaitu Ustaz Ghazali Mandaling berasal dari Indonesia.

Hajah Faridah mula berjinak-jinak dengan pembacaan al-Quran bertarannum sejak kecil lagi dan telah khatam al-Quran seawal usia lima tahun. Bakat yang diwarisi tersebut boleh dikatakan bakat turun temurun. Ini kerana datuk, nenek, bapa dan ibu dari kedua-dua belah pihak telah dikenali masyarakat sebagai guru al-Quran dan tukang lagu.

Oleh itu, tidak hairanlah kenapa Hajah Faridah dikatakan qariah yang mempunyai suara yang terbaik. Setelah tamat pengajian di pondok, beliau kemudian kembali aktif mempelajari ilmu tarannum al-Quran melalui perantaraan Haji Ahmad bin Matsom Pergau (ayat Mat), Haji Mat Musa (Ustaz Mat Tukang lagu) dan Ustaz Mohammad Kedondong (Ustaz Mat kedondong). Beliau juga antara anak murid sulung dan terawal yang sempat menimba ilmu seni tarannum al-Quran menerusi sentuhan gaya kearaban atau lagu *berlahjah arabiah* versi timur tengah melalui guru tersebut. Rentetan itu, maka Hajah Faridah antara qariah yang mendapat markah tertinggi dan sukar ditandingi sekiranya beliau menyertai musabaqah tilawah al-Quran.

Sepanjang penglibatan beliau dalam musabaqah tilawah al-Quran, beliau berjaya memecah rekod sebagai qariah pertama yang menyandang johan sebanyak lapan kali dalam musabaqah tilawah al-Quran peringkat antarabangsa. Pada tahun 1965, beliau di jemput secara rasmi dari Mufti Palestin untuk memperdengarkan bacaan ayat suci al-Quran.

Kini, beliau lebih menumpukan perhatian menyumbangkan tenaga dan ilmu yang dimiliki berkaitan tips-tips memperbetulkan bacaan al-Quran terutamanya dari aspek sebutan dan tajwid, fasohah, suara dan tarannum. Disamping itu, beliau juga menubuhkan

sebuah kumpulan nasyid iaitu “Usratul Faridah” yang sudah sinonim dan terkenal khususnya di Malaysia, Thailand dan Singapura.

3.0 KESIMPULAN

Ilmu tarannum merupakan satu seni yang perlu dipelajari secara terperinci dan memerlukan masa yang lama untuk mahir. Mereka yang banyak bertungkus lumus menyebarkan ilmu tarannum kepada masyarakat sewajarnya diangkat dan diberikan penghargaan sewajarnya kerana pengorbanan yang telah dicurahkan tidak dapat disangkal lagi. Apatah lagi ilmu yang disumbangkan ini amat bermanfaat khususnya dalam memartabatkan al-Quran ke tempat yang tertinggi dan mulia.

RUJUKAN

- Ahmad Shafiq Mat Razali. 2015. Bacaan Berlahjah Arabiyyah Dalam Kalangan Johan Qari Dan Qariah Peringkat Kebangsaan Malaysia. Tesis Sarjana. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jakim. 2017. Johan Qari dan Qariah Malaysia, Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan & Antarabangsa 1379H/1960M – 1427H/2006M. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Mohammad Haji Yusoff. 1992. Pengajian al-Quran Berlagu Di Kelantan, Sejarah Dan Perkembangannya. Jabatan Pengajian al-Quran dan al-Sunnah. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Wan Fakhrul Razi Wan Mohamad. 2008. Haji Ahmad Bin Mat Som Pergau Dan Sumbangannya Dalam Pengajian Tarannum Di Kelantan. Disertasi Sarjana. Kuala Lumpur: Univerisiti Malaya.
- Wan Hilmi Wan Abdullah. 2014. Pengaruh Tarannum Qari-Qari Mesir Terhadap Qari-Qari Di Malaysia. Tesis Sarjana. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- al-Hafiz Abu al-Khair, Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin Ali bin Yusuf al-Dimashiqi Ibn al-Jazari. 1421/2000. Tayyibah al-Nasyr fi al-Qira'at al-cAsyr. Madinah: Maktabah Dar al-Huda.
- Ibn Jazari. Muhammad bin Muhammad al-Damshiqi. T.th. al-Nahsr Fi al-Qira'at al-cAsyar.. Beirut: Darul al-Kutub al-cIlmiah.
- Ibn Jazari. Muhammad bin Muhammad bin Yusuf T.th. al-Nashr Fi al-Qira'at al-Asyar. Mesir: Dar al-Fikr Li al-Tibacah Wa al-Nashr Wa al-Tawzi'.
- JAKIM. 2003. Sejarah Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa. Kuala Lumpur : JAKIM.
- JAKIM. 2008. 50 Tahun Tilawah al-Quran di Malaysia. Kuala Lumpur : JAKIM.
- JAKIM. 2009. Laporan Tahunan JAKIM 2009. Kuala Lumpur: JAKIM.
- JAKIM. 2012. Jakim 4 Dekad. Memacu Transformasi Pengurusan Hal Ehwal Islam. Kuala Lumpur: JAKIM.
- JAKIM. T.th. Peraturan Tilawah al-Quran Malaysia. Cet. Nik Daud Sdn. Bhd.
- al-Jazari. Muhammad bin Muhammad Bin Yusuf. 1977. Munjib al-Muqrcin Wa Murshid al-Talibin. Tahqiq: Abd. al-Hayy al-Farmawi. Kaherah: Maktabah al-Jumhuriyah Misr.
- Khalis cIsa. 2011. Tan Sri Dato' Haji Hassan Azhari: Sumbangannya Dalam Ilmu Tarannum al-Quran di Malaysia. Disertasi Sarjana. Jabatan al-Quran dan al-Hadith. Kuala Lumpur: Akademik Pengajian Islam. Universiti Malaya.

Wawancara

Wawancara bersama Dato' Paduka Haji Nik Ja'far bin Nik Ismail pada 26 Februari 2016 di kediaman beliau di Kampung Kangkong Pasir Mas Kelantan.

Wawancara bersama Tuan Haji Abdul Rahim Ahmad pada 12 Januari 2016 di kediaman beliau di Kampung Panchor, Pengkalan Chepa, Kelantan.

Wawancara bersama Tuan Haji Hassan Musa pada 13 Januari 2016 di kediaman beliau di Kampung Pengkalan Chepa, Kelantan.

Wawancara bersama Hajjah Faridah binti Mat Saman pada 13 Januari 2016 di kediaman beliau di Lorong Merican, Jalan Telipot, Kota Bharu, Kelantan.